

BAI'AL-'INAH

(Jual dan Beli semula / *Sell and Buy Back*)

Bai al-'inah merujuk kepada kontrak yang membabitkan urus niaga jualan dan pembelian semula aset oleh penjual. Dalam urus niaga ini, penjual menjual aset kepada pembeli secara tunai dan kemudian membelinya semula pada harga yang bertangguh yang lebih tinggi dari harga jualan tunai. Transaksi ini juga dijalankan di mana penjual menjual aset kepada pembeli pada harga yang bertangguh dan kemudian membelinya semula secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan bertangguh. / *Bai' al-'inah refers to a contract which involves sale and buy back transactions of an asset by the seller. In these transactions, the seller sells an asset to the buyer on cash basis and then buys back the asset at a deferred price which is higher than the cash sale price. It may also be conducted where the seller sells the asset to the buyer at a deferred price and subsequently buys back the asset on cash basis at a lower price than the deferred sale price.*

BAI' AL-DAYN

(Jualan Hutang / *Sale of Debt*)

Bai` al-dayn merupakan akad jual beli hak hutang yang terbentuk hasil daripada aktiviti perniagaan yang berlandaskan Syarak. Dalam konteks kewangan Islam, Bai` al-dayn merupakan kaedah penjualan hak hutang yang terhasil daripada akad pertukaran sama seperti Murabahah, Bai` bithaman ajil, Ijarah, Istisna` dan lain-lain. / *Bai` al-dayn refers to a contract of debt trading created from Shariah compliant business activities. In the context of Islamic finance, Bai` dayn is a method of sale of debt created under exchange contracts such as Murabahah, Bai` bithaman ajil, Ijarah, Istisna` and others.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Pembiayaan Jualan) / *Trade Working Capital Financing-i (TWCF-i) (Sale Financing)*

BAI' BITHAMAN AJIL (BBA)

Bai' bithaman ajil merujuk kepada akad jual beli berasaskan pembayaran bertangguh pada harga tertentu. / *Bai' bithaman ajil refers to a sale contract based on deferred payment at certain price.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- *Machinery & Equipment Financing-i (MAEF-i).*

BAI' MUZAYADAH

(Jualan Lelongan / *Auction Selling*)

Bai' muzayadah merujuk kepada akad jual beli secara bidaan atau lelongan. / *Bai' muzayadah refers to a sale contract based on bidding or auction.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- Lelongan Bank / *Bank's auction.*

D-E-F

G-H-I

GHARAMAH

(Penalti atau Denda / Penalty or Fine)

Gharamah bermaksud penalti yang dikenakan melebihi kadar ta'widh disebabkan kelewatan melunaskan hutang oleh penghutang. / *Gharamah refers to penalty charges on the defaulters over and above the ta'widh imposed for delayed in financing/debt settlement.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- Semua produk pembiayaan / *All financing products.*

GHARAR

(Ketidakpastian / Uncertainty)

Gharar bermaksud ketidakpastian. / *Gharar means uncertainty.*

HAMISH JIDDIYYAH

(Sekuriti Deposit / Security Deposit)

Hamish Jiddiyyah merujuk kepada sekuriti deposit yang diletakkan bagi menjamin akujanji untuk membeli aset sebelum pelaksanaan kontrak perjanjian jual beli. / *Hamish Jiddiyyah refers to a security deposit placed to secure the undertaking to purchase an asset before execution of the sale and purchase agreement contract.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- Fixed Return Islamic Account-i (FRIA-i)
- FRIA- i 45Plus

HIBAH

(Hadiah atau Pemberian / Gift or Grant)

Hibah bermaksud pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang tanpa sebarang balasan. Ia merupakan kontrak satu pihak dan merupakan satu amal kebajikan. / *Hibah means transfer of ownership of an asset to a person without any consideration in return. It is a unilateral contract and also a benevolent act.*

HIBAH MU'ALLAQAH

(Hibah Bersyarat / *Conditional Hibah*)

Hibah mu'allaqah bermaksud pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara. Menerusi konsep ini, pemberian hibah hanya akan berlaku apabila syarat yang telah ditetapkan sudah berlaku. / *Hibah mu'allaqah means transfer of ownership of an asset to a person associated with or required by the occurrence of subject. Under this concept, the grant will only occur when conditions stipulated already occurred.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- Program Sahabat Agro / *Sahabat Agro Program.*

IBRA'

(Rebat / *Rebate*)

Ibra' bermaksud rebat atau pengguguran sebahagian atau keseluruhan tuntutan terhadap sesuatu hak atau hutang. Ia bermaksud seseorang menggugurkan hak tuntutannya ke atas tanggungan (*zimmah*) pihak lain yang perlu dilaksanakan terhadapnya. / *Ibra' means rebate or waiver of partial or total claim against certain right or debt. It means represents the waiver accorded by a person to claim his right which lies as an obligation (zimmah) of another person which is due to him.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- Semua pembiayaan berasaskan kontrak jual beli / *All sales-based financing contract.*

IJARAH

(Sewaan / *Lease*)

Ijarah merujuk kepada akad sewa atau upah yang melibatkan faedah/manfaat daripada sesuatu aset atau tenaga kerja dengan bayaran atau upah tertentu dalam tempoh yang dipersetujui. / *Ijarah refers to a lease or service contract that involves benefit/usufruct of certain asset or work for an agreed payment or commission within an agreed period.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- Peti Simpan Selamat-i / *Safe Deposit Box-i (SDB-i)*

J-K-L

KAFALAH

(Jaminan / *Guarantee*)

Kafalah merujuk kepada kontrak dimana penjamin memberi jaminan kepada pihak ketiga atas kewajipan yang harus ditunaikan oleh pihak yang dijamin. / *Kafalah refers to a contract where the guarantor conjoins the guaranteed party in assuming the latter's specified liability. The specific inherent nature of kafalah is to provide assurance on the fulfillment of an obligation of the guaranteed party's liability.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- Jaminan Perkapalan-i / *Shipping Guarantee-i (SG-i)*
- Jaminan Bank-i / *Bank Guarantee-i (BG-i)*

Skim / Scheme

- Skim Jaminan Enhancer-i
- Skim Jaminan SJPP

M-N-O

MARHUN

(Barang Gadaian / Pledged items)

Bermaksud barang yang digadai atau dicagar. / *Means goods or items that are put as collateral or pledged items.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- ArRahnu Agrobank

MUQASAH

Bermaksud tolak selesai. / *Means set-off.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- Produk pembiayaan berkaitan / *Related financing products.*

MURABAHAH

(Kos + Keuntungan / Cost + Profit)

Murabahah merujuk kepada kontrak jual beli dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli. / *Murabahah refers to a sale contract with a disclosure of the asset cost price and profit margin to the purchaser.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

Pembiayaan / Financing:

- *Machinery & Equipment Financing-i (MAEF-i)*
- *Pembiayaan Modal Kerja Perdagangani-i (Kontrak Belian) / Trade Working Capital Financing-i (TWCF-i) (Purchase Contract)*
- *Resit Amanah Murabahah / Murabahah Trust Receipt (MTR)*
- *Surat Kredit-i Murabahah / Letter of Credit-i Murabahah (LC-i)*

Deposit / Deposit:

- Fixed Return Islamic Account-i (FRIA-i)
- FRIA- i 45Plus

P-Q-R

QARD

(Pinjaman / Loan)

Qard bermaksud pinjaman iaitu dengan memberikan harta kepada pihak yang memanfaatkan harta tersebut dan dikembalikan gantian yang sama jenis dengannya. / *Qard means giving a property to a party who will benefit from it and who will subsequently return an equivalent replacement.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- ArRahnu Agrobank
- Agro Muda-i
- Agro Perdana-i
- Agro Tani-i
- Agro Tani-i Foreign
- Akaun Simpanan Asas-i (Agro BSA-i) / *Basic Savings Account-i (Agro BSA-i)*
- Simpanan Al-Qard

Program

- Program Pembangunan Rakyat Termiskin-i (PPRT-i)

RAHN

(Gadaian atau Cagaran / Pledge or Pawn)

Rahn dalam konteks kewangan Islam semasa merujuk kepada kontrak cagaran atau gadaian. Secara konsepnya, rahn ialah menjadikan sesuatu aset sebagai jaminan kepada pembiayaan atau pinjaman, agar pembiayaan atau pinjaman tersebut boleh dilunaskan dengan nilai aset pembiayaan atau jaminan tersebut sekiranya penerima biaya atau peminjam tidak mampu melunaskan obligasinya. / *In the current context of Islamic finance, rahn refers to a contract of security. Conceptually, rahn means requiring a particular asset to be made as security for a financing or loan so that in the event of default by the financing receiver or debtor, the financing or loan may be satisfied out of the value of the security or the financed asset.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- ArRahnu Agrobank
- Produk pembiayaan berkaitan / *Related financing product.*

TAKAFUL

Takaful bermaksud suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang dibawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada sesuatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu. / *Takaful means an arrangement based on mutual assistance under which takaful participants agree to contribute to a common fund providing for mutual financial benefits payable to the takaful participant or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- Agro Mabruur-i
- Agro Madani
- AgroMotor Takaful
- Agro Nurani
- Fire Takaful
- Group Credit Term Takaful (GCTT)
- Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)
- Takaful Kasih Plus

TAWARRUQ

Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli. Transaksi pertama melibatkan penjualan komoditi oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Kemudian pembeli pada transaksi jualan yang pertama akan menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. / *Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

Deposit / Deposit:

- Fixed Return Islamic Account-i (FRIA-i)
- FRIA-i 45Plus

Pembiayaan / Financing:

- AgroCash-i
- AgroCash Line-i
- Hartani-i
- Kemudahan Pembiayaan Modal Kerja-i / Working Capital Financing- i (WCF-i)
- Mikro ESP-i
- Modal Usahawan 1 Malaysia (MUS1M-i)

- Paddy-i
- Paddy-i BERNAS
- Pembiayaan Berjangka-i / *Term Financing-i*
- Pembiayaan Semula Tanaman Sawit-i (SAWIT-i)
- *Special Advance for Investment Assets-i (SAFIA-i)*
- *Strategic Alliance Financing-i (SALF-i)*

TA'WIDH

(Ganti rugi / *Compensation*)

Ta'widh bermaksud ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh penerima biaya. / *Ta'widh refers to claim for compensation arising from actual loss suffered by the financier due to the delayed in payment of financing/debt amount by the customer.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- Semua pembiayaan berasaskan kontrak jual beli / *All sales-based financing contract.*

TABARRU'

Tabarru' bermaksud pemberian atau sumbangan secara sukarela. / *Tabarru' means voluntary donation or contribution.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- Agro Mabruur-i
- Agro Madani
- AgroMotor Takaful
- Agro Nurani
- Fire Takaful
- Group Credit Term Takaful (GCTT)
- Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)
- Takaful Kasih Plus

UJRAH

(Fi / *Fee*)

Ujrah merupakan fi atau bayaran terhadap perkhidmatan yang disediakan. / *Ujrah is a term for a fee imposed based on a service rendered.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- ArRahnu Agrobank

- AGRONet (Perbankan Internet)
- AGRONetBIZ (Perbankan Internet Perniagaan)
- Kad Agro Visa Debit-i / *Agro Visa Debit Card-i*
- Kad Agro Visa Bisnes Debit-i / *Agro Visa Debit Business Card-i*
- *Multiple Account Crediting System (MACS)*
- Penulisan Wasiat
- Rujukan Pusaka
- Skim Simpanan Pendidikan Nasional-i (SSPN-i)
- Western Union

V-W-X-Y-Z

WADIAH YAD DHAMANAH

(Simpanan Terjamin / *Guaranteed Savings*)

Kontrak antara pendeposit (pemegang akaun) dan Bank bagi tujuan simpanan dengan jaminan. Pemegang akaun meletakkan deposit di Bank dan Bank sebagai pemegang amanah, menjamin pembayaran balik keseluruhan jumlah deposit atau sebahagian daripadanya atas permintaan pemegang akaun. / *A contract between the depositor (account holder) and the Bank for safekeeping with guarantee. The account holder places his deposits and Bank, as trustee, guarantees the repayment of the whole amount of deposits or any part thereof upon request of the account holder.*

WAKALAH

(Kontrak Perwakilan / *Contract of Agency*)

Wakalah merupakan kontrak agensi yang melibatkan satu pihak memberikan mandat kepada pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Dalam konteks Bank, kebiasaannya pelanggan akan melantik Bank sebagai wakil untuk melaksanakan sesuatu urusan niaga mua`malah dan sebagai balasan, Bank akan menerima upah berdasarkan jumlah yang tetap atau nisbah yang dipersetujui bagi perkhidmatan tersebut. / *Wakalah is an agency contract in which a party mandates another party as his agent to perform a particular task. In the context of Bank, the customer normally appoints a Bank as his agent to conduct a particular mu`amalah transaction and in return, the Bank will receive a fee based on a fixed amount or an agreed ratio for the service.*

Produk & perkhidmatan berkaitan / *Related products & services:*

- Agro Mabruur-i
- Agro Madani
- AgroMotor Takaful
- Agro Nurani
- Fire Takaful
- Group Credit Term Takaful (GCTT)
- Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)
- Takaful Kasih Plus

- Produk pembiayaan berkaitan / *Related financing product*
- Produk perkhidmatan berkaitan / *Related services product*
- Produk deposit berkaitan / *Related deposit product*

Deposit / Deposit:

- *Fixed Return Islamic Account-i (FRIA-i)*
- *FRIA-i 45Plus*

WA'D

(Janji/akujanji / *Wa'd means promise*)

Produk & perkhidmatan berkaitan / Related products & services:

- Produk pembiayaan berkaitan / *Related financing product*

WAKAF

Wakaf bermaksud sesuatu pemberian atau sumbangan ikhlas harta yang dimiliki untuk kepentingan dan kesejahteraan umum yang dibenarkan oleh Syarak. / *Wakaf means a form of endowment by an owner of a property for public benefit and well being which is allowed by Shariah.*